



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENGHARGAAN WIRA NEGARA WORLDSKILLS COMPETITION (WSC) LYON 2024

1. **Kuala Lumpur, 30 September 2024** – Majlis Penghargaan Wira Negara *WorldSkills Competiton (WSC) Lyon 2024* telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia bertempat di *Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC)*, Kuala Lumpur bersempena dengan ***National Human Capital Conference & Exhibition (NHCCE) 2024***.
2. KESUMA merakamkan tahniah dan syabas kepada wira-wirawati dan seluruh Kontinjen Negara yang telah mengibarkan Jalur Gemilang di *WorldSkills Competiton Lyon 2024* yang diadakan di *Eurexpo Lyon*, Perancis bermula 10 hingga 15 September 2024. Kontinjen Negara diwakili oleh 15 orang peserta, 14 orang pakar, 6 orang pegawai KESUMA, 3 orang pegawai Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan diketuai oleh Yang Berhormat, Dato' Seri Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia merangkap Pengerusi Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM) selaku *Chef de Mission*. Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Yang Berhormat, Datuk Rubiah Wang turut menyertai Kontinjen Negara mewakili Yang Amat Berhormat, Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Majlis TVET Negara. Pertandingan kali ini disertai oleh 1,400 peserta dikalangan belia berkemahiran dari 69 buah negara dan wilayah seluruh dunia yang bertanding dalam 62 bidang kemahiran.
3. Yang Berhormat Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia juga menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para peserta pertandingan kemahiran seperti ini yang mampu mempromosikan kecemerlangan tenaga mahir negara di peringkat antarabangsa dan membuktikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara adalah kompeten, berkualiti dan berkemahiran tinggi. Penghargaan juga diberikan kepada semua Kontinjen Negara iaitu peserta, pakar, jurulatih termasuk urus setia Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) serta agensi-agensi lain yang telah memberikan komitmen yang tinggi.

4. Pencapaian peserta negara adalah amat membanggakan kerana berjaya meraih 5 pingat untuk negara. Secara individu, seramai 3 peserta mencapai kedudukan 10 terbaik dunia iaitu peserta dalam bidang *Beauty Therapy* (tempat ke-3), *Electrical Installation* (tempat ke-9) dan *Bricklaying* (tempat ke-10). Berdasarkan merit pungutan pingat pula, secara keseluruhan Malaysia menamatkan cabaran *WSC Lyon 2024* di tempat ke-32 berbanding 69 negara yang bertanding. Pada saya, ia suatu pencapaian yang membanggakan kerana Malaysia berjaya mengatasi negara-negara maju seperti Sweden, Sepanyol dan New Zealand. Senarai peserta negara dan pingat yang dimenangi adalah seperti di **Lampiran A**.
5. Pasukan Malaysia telah berjaya memungut 1 Pingat Gangsa bagi bidang *Beauty Therapy* dan 4 Pingat *Medallion for Excellence (MfE)* bagi bidang *Electrical Installations*, *Bricklaying*, *IT Software Solutions for Business* dan *Hairdressing*. Saudari Wong Hsun Wei, pelajar *Sense Perfect International College (SPIC)* yang meraih pingat gangsa dalam bidang *Beauty Therapy* akan menerima ganjaran tunai berjumlah RM10,000.00. Beliau juga akan menerima ganjaran tunai tambahan berjumlah RM4,000.00 apabila dinobatkan *Best of Nation* iaitu peserta terbaik negara. Pemenang-pemenang *Medallion for Excellence* juga akan menerima ganjaran tunai berjumlah RM4,000.00 setiap seorang.
6. Pemenang pingat gangsa tahun ini amat bertuah kerana sebagai peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran yang lebih dikenali sebagai PTPK, beliau layak menerima insentif kemenangan bernilai RM7,000.00 dalam bentuk penyelarasan bayaran balik pinjaman daripada PTPK.
7. Selain ganjaran dan insentif kepada peserta yang membawa pingat, buang julung-julung kalinya, *Human Resource Development Corporation (HRD Corp.)* yang juga merupakan agensi di bawah KESUMA telah menyediakan imbuhan khas tambahan berjumlah RM1,500.00 kepada setiap orang peserta negara. Yang Berhormat Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia telah menyarungkan pingat, menyerahkan *mock cheque* dan sijil kepada semua pemenang. Di akhir ucaptamanya, Yang Berhormat Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia menyatakan harapan cemerlang membawa pulang pingat emas di pentas kemahiran tertinggi dunia ini tidak mustahil untuk dicapai, sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing dan memberikan yang terbaik dalam semua bidang TVET yang disertai.

###

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
30 SEPTEMBER 2024**

LAMPIRAN A**Senarai Peserta ke *WorldSkills Competition (WSC) Lyon 2024***

BIL.	NAMA	AGENSII/ INSTITUT	BIDANG KEMAHIRAN	PINGAT
1.	Wong Hsun Wei	<i>Sense Perfect International College (SPIC)</i> , Pulau Pinang	<i>Beauty Therapy</i>	Gangsa
2.	Muhammad Nasran bin Ahmad	Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kemasik, Terengganu	<i>Hairdressing</i>	<i>Medallion for Excellence</i>
3.	Stephen Sim Shan Siong	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	<i>IT Software Solutions for Business</i>	<i>Medallion for Excellence</i>
4.	Muhammad Hakimi bin Abu Bakar	GIATMARA Kota Bahru, Kelantan	<i>Electrical Installations</i>	<i>Medallion for Excellence</i>
5.	Ahmad Muizuddin bin Mohd Razi	Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Pasir Mas, Kelantan	<i>Bricklaying</i>	<i>Medallion for Excellence</i>
6.	Ahmad Danish Arham bin Ahmad Khusynee	Kolej Yayasan Pahang <i>Advanced Skills</i> , Kuantan, Pahang	<i>Cooking</i>	Sijil
7.	Mohamad Hafis bin Abu Talib	Kolej Vokasional (KV) Kajang, Selangor	<i>Automobile Technology</i>	Sijil
8.	Ng Choon Fei	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	<i>Web Technologies</i>	Sijil
9.	Nur Raiesya binti Azli	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Alor Gajah	<i>Patisserie & Confectionery</i>	Sijil
10.	Adam Akmal bin Abdul Razak	<i>Advanced Technology Training Centre (ADTEC) Melaka / MB Automation Sdn. Bhd., Melaka</i>	<i>Robot System Integration</i>	Sijil
11.	Muhammad Iqhmah Haziq bin Mohamad Sharufzul			Sijil
12.	Mohamad Khobir bin Mohamad	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Jitra, Kedah	<i>Heavy Vehicle Technology</i>	Sijil
13.	Muhammad Habibullah bin Mohd Yusuff	Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara, Kedah	<i>Refrigeration and Air-Conditioning</i>	Sijil
14.	Muhammad Zulhisyam bin Zakaria	Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Tengah, Kuala Lumpur	<i>Plumbing and Heating</i>	Sijil
15.	Muhammad Arif Irfan bin A'ali Zaini	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Kuantan, Pahang	<i>Digital Construction</i>	Sijil